



**MAJLIS DAERAH SIK**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** yang masih dibenarkan membuat tawaran masa ini bagi kerja-kerja berikut :-

Jabatan yang mengeluarkan sebutharga	Kod Bidang	Tajuk Projek	Tarikh Pembelian & Tarikh Tutup Sebutharga	Harga Sebutharga
Majlis Daerah Sik	G1	MDS/PERB/SH/02/2023: Kerja-kerja Baik Pulih Dan Naik Taraf Rumah Rehat Di Sik Inn, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman B04	Tarikh Pembelian Sebutharga Pada 31/01/2023 Hingga 09/02/2023  Tarikh Tutup Sebutharga Pada 09/02/2023 Jam 12.00 Tengahari	RM 50.00 Senaskah

2. Pihak kontraktor atau pembekal mestilah berdaftar dengan Majlis Daerah Sik terlebih dahulu sebelum membeli dokumen sebutharga. Pendaftaran kontraktor untuk **G1** adalah sebanyak **RM100**. Pihak kontraktor dan pembekal mestilah membawa bersama dokumen-dokumen berikut semasa mendaftar :

- i. **Sekeping gambar pengurus berukuran passport**
- ii. **Salinan kad pengenalan pengurus dan rakan kongsi**
- iii. **Sijil original dan salinan sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**

3. Pihak kontraktor dan pembekal wajib menghadiri diri semasa sesi taklimat dan lawatan tapak seperti yang tertera. **Hanya pihak kontraktor dan pembekal yang hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan membeli dokumen sebutharga. Wakil daripada pihak Kontraktor atau Pembekal adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat tersebut.** Sesi taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 31 Januari 2023 (Selasa)**  
**Masa : 9.00 Pagi**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat, Majlis Daerah Sik, Kedah Darul Aman**

4. Pihak Kontraktor dan Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (KKM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan yang mempunyai kod bidang serta tajuk yang dibenarkan sahaja **LAYAK** untuk menyertai sebutharga.

5. Dokumen sebutharga boleh dibeli di Kaunter Majlis Daerah Sik pada **31 Januari 2023** dan setiap borang akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00**. **Hanya kontraktor dan pembekal yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen sebutharga tersebut.**

6. Pihak kontraktor dan pembekal perlu melampirkan dokumen-dokumen berikut semasa menyerahkan sebutharga seperti salinan **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, salinan **Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, salinan **Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)**, salinan **Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan salinan **Penyata Bank Tiga (3) Bulan** yang terkini bersama sebutharga yang lengkap.

7. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah ditutup dengan menggunakan sampul surat yang di atasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan terang **tarikh tutup**, dan **tajuk sebutharga** dan dialamatkan kepada :-

**Majlis Daerah Sik**  
**08200 Sik**  
**Kedah Darul Aman**

8. Tarikh tutup sebutharga ini adalah pada **9 Februari 2023 (Khamis)** jam **12.00** tengahari. **Majlis Daerah Sik tidak akan melayan sebarang kelewatan pengeposan dokumen sebutharga tersebut.**

**MAJLIS DAERAH SIK TIDAK TERIKAT UNTUK MENERIMA SEBUTHARGA YANG PALING RENDAH ATAU SEBARANG SEBUTHARGA.**



**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH SIK**  
**KEDAH DARUL AMAN**

- s.k. : a) Ketua Jabatan Kejuruteraan  
Majlis Daerah Sik
- b) Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Majlis Daerah Sik